

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan Bahasa Cina 6351/2 mengandungi 3 bahagian soalan:

Bahagian 1:	Soalan 1 - 22 (22 soalan)
Bahagian 2:	Soalan 23 - 33 (12 soalan)
Bahagian 3:	Soalan 34 - 40 (6 soalan)

Masa yang diperuntukkan adalah dua jam 15 minit.

BAHAGIAN 1**Pemahaman Petikan Prosa Moden**

Bahagian ini merangkumi soalan 1 hingga soalan 22.

Soalan 1 merupakan soalan ringkasan petikan. Calon dikehendaki meringkaskan petikan supaya menjadi satu perenggan jawapan yang terhad kepada 120 patah perkataan.

Soalan 2 hingga 22 pula berdasarkan 2 petikan pemahaman. Soalan 2 hingga soalan 11 berdasarkan petikan ke-2 manakala soalan 12 hingga soalan 19 pula berdasarkan petikan ke-3. Soalan-soalan ini merangkumi pemahaman dalam bentuk aneka pilihan dan struktur.

Soalan aneka pilihan merangkumi soalan kemahiran bahasa dan tatabahasa manakala soalan struktur pula meminta calon agar memahami, mentafsir dan merumuskan petikan tersebut.

Soalan 20 hingga 22 pula menguji pemahaman calon berdasarkan bahan maklumat yang diberikan. Calon dikehendaki membuat analisis, tafsiran dan rumusan.

BAHAGIAN 2**Pemahaman dan Penterjemahan Petikan Prosa Klasik**

Bahagian ini merangkumi soalan 23 hingga soalan 34.

Soalan petikan klasik ini terdiri daripada 1 petikan prosa dan sebuah sajak. Soalan petikan prosa klasik ini merangkumi soalan pemahaman dan soalan penterjemahan daripada prosa klasik kepada prosa moden.

BAHAGIAN 3**Mingju Jinghua (名句精华)**

Bahagian ini merangkumi soalan 35 hingga 40.

Soalan-soalan ini menguji pengetahuan, pemahaman, aplikasi, tafsiran dan rumusan calon di samping mengenal pasti asal-usulnya, maksud tersirat dan perbandingannya dengan simpulan bahasa yang hampir sama maksudnya.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, pencapaian calon tahun 2007 merosot sedikit. Namun sebahagian besar calon dapat menjawab soalan dengan baik. Penguasaan bahasa calon didapati memuaskan. Pengolahan dan persembahan jawapan calon menunjukkan penguasaan bahasa yang baik. Isi jawapan calon sesuai dan menepati kehendak soalan. Walau bagaimanapun, masih terdapat calon yang lemah dari segi penguasaan kosa kata, tatabahasa dan selok-belok penterjemahan bahasa klasik.

PERSEMBAHAN JAWAPAN CALON MENGIKUT KUMPULAN PENCAPAIAN

Pencapaian Kumpulan Tinggi

Calon dalam kumpulan ini dapat mentafsir dan menjawab soalan dengan tepat. Jawapan yang diberikan menepati kehendak soalan.

Bagi soalan ringkasan petikan, isi kandungan ringkasan calon tepat dan padat, lengkap dan lancar di samping menepati hukum bahasa yang dikehendaki. Penyampaian jawapan calon adalah baik dan jelas. Bahasa yang digunakan adalah gramatis, lengkap dengan subjek dan predikat. Calon dalam kumpulan ini jarang-jarang melakukan kesalahan dari segi penggunaan kosa kata, penanda wacana, tanda bacaan dan struktur ayat. Ayat jawapan calon adalah lancar, penggunaan kosa kata dan frasanya juga mantap. Calon berjaya mengenal pasti isi-isi penting mengikut keutamaannya.

Bagi soalan aneka pilihan pula, kebanyakan calon dalam kumpulan ini berjaya menjawab dengan betul 25-27 soalan daripada 29 soalan kesemuanya. Calon mampu meneliti soalan, memahami dan menafsir soalan dengan memilih jawapan yang betul.

Jawapan yang mantap dalam bahagian pemahaman prosa moden membolehkan calon dalam kumpulan ini memperoleh markah yang tinggi.

Calon memahami kehendak soalan pemahaman petikan prosa klasik di samping mampu menterjemahkannya dalam bahasa moden.

Bagi bahagian '*Mingju Jinghua*', calon dapat menguasai maksud tersiratnya dengan memilih jawapan yang tepat bersesuaian dengan konteksnya. Namun, masih terdapat calon yang gagal dari segi aplikasi dan merumuskan maksud tersiratnya.

Pencapaian Kumpulan Sederhana

Jawapan calon dalam kategori ini adalah memuaskan.

Bagi soalan ringkasan, isi yang dikenal pasti menepati kehendak soalan. Penyampaian jawapan calon memuaskan. Pengolahan ayatnya teratur tetapi calon telah menggunakan ayat yang panjang lebar untuk menerangkannya. Terdapat kesalahan dalam struktur ayat (ayat tergantung), tanda bacaan dan penanda wacana.

Bagi bahagian pemahaman petikan prosa moden, calon masih mampu menjawab sebahagian besar daripada soalan objektif dan soalan strukturnya.

Namun, kebolehan calon dalam menjawab pemahaman petikan prosa klasik tidak sebaik bahagian-bahagian yang lain. Prestasi mereka dalam bahagian ini ternyata sekadar

memuaskan sahaja. Calon tidak mampu menterjemahkan ayat dalam bahasa klasik ke bahasa moden dengan tepat.

Bagi bahagian '*Mingju Jinghua*' pula, mereka hanya mampu mengenal pasti maksud dan aplikasinya tetapi lemah dalam merumuskan maksud tersiratnya.

Pencapaian Kumpulan Lemah

Jawapan calon dalam kumpulan ini agak mengecewakan.

Calon tidak memahami kehendak soalan. Mereka tidak dapat menjawab soalan objektif mahupun soalan struktur dengan baik. Dari segi kelemahan bahasa, jalan bahasa yang berbelit-belit dan ayat yang salah strukturnya merupakan kelemahan umum calon. Berbanding dengan tahun-tahun yang lepas, prestasi calon dalam kumpulan ini jauh merosot.

Walau bagaimanapun, soalan ringkasan yang merupakan petikan deskripsi telah membantu calon mendapatkan markah. Bagi soalan '*Mingju Jinghua*', calon dalam kumpulan ini langsung tidak dapat menguasainya dari segi maksud, aplikasi dan huraian maksud tersiratnya.

PRESTASI TERPERINCI

1 Bahagian 1: Pemahaman Petikan Prosa Moden

Pada keseluruhannya, tahap kesukaran soalan telah ditingkatkan jika berbanding dengan soalan tahun-tahun lepas. Akan tetapi, tahap kesukarannya masih menepati pelbagai aras kesukaran. Secara amnya, soalan KBKK merupakan soalan yang paling sukar untuk dikuasai oleh calon.

1.1 Soalan Ringkasan Petikan

Bagi soalan ini, jawapan calon mestilah terdiri daripada 4 isi utama yang berkaitan dengan kehendak soalan. Jawapan haruslah ditulis dalam 1 perenggan dengan ayat yang bergramatis. Bilangan perkataan tidak boleh melebihi 120 patah perkataan.

1.2 Kesilapan calon yang kerap ditemukan dalam soalan ringkasan petikan

◆ ayat tanpa subjek

Contoh: (?) 在一条跑道的一旁等距离放上 24 个照相机.....

(?) 快速拉动那一长串相片

◆ struktur ayat yang tidak teratur

Contoh: 另一旁跑道钉上 24 个木桩及系着细线横穿跑道, 接上相机快门

(不能厘清是木桩横穿跑道, 还是跑道系上细线, 总之是句法颠三倒四.)

- ◆ tidak menguasai teknik merumus petikan atau tidak dapat mengesan isi penting
全文只有这第二段叙述麦布里奇用 24 个镜头接连拍下 24 张照片的部分详细赘述, 测试考生的概述能力, 不过, 考生都未能“长话短说”.

- ◆ mereka cipta kosa kata sendiri

Contoh: 一长串相片===一串相片，给相片造新的数量词

快速拉动===速拉

接连拍下====连拍

无意地快速拉动====无意快速拉动（为省字数刻意减省不该省的字）

- ◆ tidak mengekalkan maksud asal semasa membuat ringkasan

Contoh: 24 张照片的差别很小≠相邻两张相片差别小

- ◆ kesilapan perkataan

Contoh: 赢写作羸，诞写作廷，裁写作栽

Soalan 1	根据下面的文字，概述电影的雏形是如何诞生的。	
Contoh 1	Calon memahami isi kandungan petikan dan dapat menguasai teknik meringkaskan petikan dengan baik. Calon berjaya mengolah jawapan menepati kehendak soalan. Isi ringkasan calon padat dan gramatis, namun ada yang tertinggal isi-isi sampingannya. Keempat-empat isi disusun dengan teratur, tepat dan menggunakan ayat ringkas. Setiap ayat juga lengkap dengan subjek dan predikat.	
	例一	备注
1	一天，两人为“马奔跑时蹄子是否着地”发生争执。两人请英国摄影师做裁判。他在跑道旁等距离放4个照相机，木桩上的细线横穿跑道，接上相机快门。当马跑，相机就连拍4张相片，相邻两张相片的差别很小。 事后，有人无	考生文句尚通顺，只是遗漏一些内容及犯语法上的小错误。

Contoh 2 Calon menggunakan ayat yang terlalu panjang menyebabkan maksud ayat berputar-belit dan wujudnya ambiguiti.

例二	备注
<p>跑道的两旁等距离放上24个 照相机,镜头对准跑道;在一旁的 对应点上钉好24个木桩,木 桩上系着细线,细线横穿跑道, 接上相机快门。马一边跑,一边 依次绊断24根细线,接连拍下 24张照片,相片差别很小。</p>	<p>考生长篇大论地“概述” 利用24个照相机接连 拍下马跑的镜头’这要点。 歧义： 马一边跑，一边依次绊 断24根细线，接连拍 下24张照片…… 主语是马，等于是马拍 下照片。 相邻两张的相片差别很 小≠相片差别很小</p>

Contoh 3 Terdapat 'langkauan' isi. Isi seterusnya yang tertinggal itu menyebabkan tiada kesinambungan makna dalam jawapan.

例三	备注
<p>舌着地”的争执²。两人请英国摄 木桩上系着细线横穿跑道,接上相机快门 影师麦布里奇做裁判,马一边 跑,一边依次绊断24根细线。 相机就连拍下24张照片,相 邻两张相片差别很小³。 有人无</p>	<p>请了马布里奇后 便是马一边跑一 边…… 句子跳跃不连贯</p>